



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah terhadap Standard Guru Malaysia 2.0

(The Perceptions of Primary School Malay Language Teacher towards Malaysia Teacher Standard 2.0)

Lau Lee Ling¹, Haryaneh Rahisin², Chan Ann Kee³ & Viliana Kong Su Hung⁴

¹ SJKC Sin Bin, Sungai Lima, 42940 Pulau Ketam, Klang, Selangor, MALAYSIA.

² SJKC Pay teck, No. 45, Jalan Portugis, Kampung Tiga, 75200 Melaka, MALAYSIA.

³ SJKC Perting, 28700 Bentong, Pahang, MALAYSIA.

⁴ SJKC Tiong Ho, Jalan Kim San, 96100 Sarikei, Sarawak, MALAYSIA.

Koresponden: Lau Lee Ling, 12345leeling@gmail.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2023

Volume: 13

Bilangan: 02

Halaman: 109-118

Dihantar pada:

21 Julai 2023

Diterima pada:

23 November 2023

Abstrak: Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru-guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru Bahasa Melayu di sekolah rendah terhadap SGM 2.0. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan dalam bentuk kuantitatif. Data kajian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik. Sejumlah 106 orang guru murid di sekolah rendah yang termasuk guru di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Klang, Selangor telah dipilih secara rawak mudah. Data-data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (ujian-t). Dapatan kajian menunjukkan persepsi guru Bahasa Melayu di sekolah rendah terhadap SGM 2.0 adalah positif. SGM 2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan dan semua guru jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesion, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi serba sedikit sumbangan dalam usaha melahirkan jiwa pendidik yang holistik dan sempurna.

Kata Kunci: Standard Guru Malaysia, persepsi, guru sekolah rendah, Bahasa Melayu

Abstract: The Malaysian Teacher Standard (MTS) is a standard that outlines the professional competence that should be achieved by teachers, and the requirements that should be provided by teacher training agencies and institutions to help teachers achieve the set level of competence. This study aims to survey the perception of Malay teachers in primary schools towards the MTS 2.0. This study was conducted using a quantitative survey design. The data of this study was obtained through a questionnaire method. A total of 106 student teachers in primary schools including teachers at National Schools (SK), Chinese National Schools (SJKC) and Tamil National Schools (SJKT) in Klang district, Selangor were randomly selected. The data were analyzed using descriptive statistics (mean score and standard deviation) and inferential statistics (t-test). The findings of the study show that the perception of Malay teachers in primary schools towards the MTS 2.0 is positive. MTS 2.0 is a comprehensive reference document that can help teachers in the effective implementation of PdP and all teachers are clear about the teacher's responsibility towards the profession, students, parents, society and the country. The researcher hopes that this study can make a small contribution in the effort to give birth to a holistic and perfect educator.

Keywords: Malaysian Teacher Standard, perception, primary school teacher, Malay Language

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kod Etika Profesion Keguruan Malaysia, Etika Kerja KPM. Tonggok 12 (1993), Standard Guru Malaysia (SGM) 1.0 (KPM 2009) dan SGM 2.0 (KPM 2020). SGM 2.0 adalah dokumen rujukan berkaitan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta diperlihatkan oleh guru di Malaysia. SGM 2.0 terdiri daripada dua komponen, iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan berkesan. Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat. SGM telah dilancarkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, iaitu pada 2 Disember 2009. SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan.

SGM 2.0 merupakan dokumen panduan mengenai kompetensi yang dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta dipamerkan oleh guru-guru. SGM 2.0 dijadikan panduan kepada guru untuk mengenal pasti kompetensi dan etika sedia ada, kompetensi dan etika yang boleh dibangunkan, serta ruang untuk merancang keperluan pembangunan profesionalisme guru. SGM 2.0 terdiri daripada dua komponen, iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Terdapat empat domain kompetensi, iaitu Orientasi Ilmu, Instruksional, Penglibatan Komuniti, dan Kualiti Peribadi. Komponen Etika Keguruan adalah prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia untuk memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional dan dipandang mulia oleh masyarakat.

Guru memainkan peranan yang signifikan dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara kerana guru adalah golongan yang berada di barisan hadapan. Peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar untuk merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Terlebih dahulu, guru harus mencapai standard ke tahap global supaya ilmu yang dicurahkan nanti mengikut acuan yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025. Guru perlu memiliki kemahiran berfikir aras tinggi dan mampu berinovasi agar dapat meningkatkan keberhasilan sekolah dan kemenjadian murid.

peningkatan kualiti PdP juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi.

PERNYATAAN MASALAH

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan oleh KPM untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara. KPM telah memperkenalkan SGM 2.0 pada tahun 2020. Dalam SGM 2.0, terdapat juga 4 teras etika keguruan yang telah digariskan, iaitu tanggungjawab terhadap profesion, tanggungjawab terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa atau penjaga, dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Selain itu, guru juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara untuk merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Oleh itu, guru perlulah memiliki ilmu pengetahuan mengenai kemahiran berfikir aras tinggi agar mampu meningkatkan pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Peningkatan kualiti dalam proses PdP juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji persepsi guru terhadap SGM 2.0 di sekolah rendah. Hal ini kerana kemahiran dan pengetahuan guru perlu sentiasa dipertingkatkan mengikut perubahan pendidikan terkini, iaitu pembelajaran abad ke-21.

Dalam kajian Fahainis et al (2021), pemahaman dan kemahiran insaniah guru amat terhad. Guru mesti mempunyai kefahaman yang jelas dan pengetahuan mengenai teknologi terkini untuk mempertingkatkan keberkesanan PdP. Pendapat ini turut disokong oleh kajian Mardzelah et al. (2022), iaitu guru berperanan meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa. Keberkesanan PdP akan dipengaruhi oleh profesionalisme guru, manakala keberkesanan PdP memberi kesan kepada transformasi dalam pendidikan.

Pendapat ini turut dipersetujui dalam kajian Jamil et al. (2017) mendapati bahawa sesetengah guru tidak mengaplikasikan kaedah-kaedah yang dipelajari semasa PdP. Hal ini disebabkan kebanyakan guru kurang menguasai kemahiran dan kurang kreatif untuk menyampaikan PdP dengan berkesan. Perkara ini telah menyebabkan murid sukar untuk memahami isi kandungan dan kemahiran yang telah disampaikan oleh guru. Dalam kajian Mardzelah et al. (2022), isu-isu berkaitan dengan profesionalisme keguruan juga sering diviralkan melalui media sosial. Isu-isu ini telah menunjukkan kemerosotan profesionalisme dalam kalangan guru.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengetahui tahap pengetahuan, pelaksanaan, kebaikan dan cabaran yang dihadapi oleh guru

dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu.

2. Mengenal pasti perbezaan antara tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 dengan jantina guru Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti hubungan antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu dengan pelaksanaan SGM 2.0.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah?
2. Apakah tahap pelaksanaan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah?
3. Apakah kebaikan yang diperoleh oleh guru sekolah rendah dalam melaksanakan SSGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu?
4. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah?
5. Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 dengan jantina guru Bahasa Melayu sekolah rendah?
6. Adakah terdapat hubungan antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan pelaksanaan SGM 2.0?

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian dibina bagi menjawab soalan kajian 5 dan 6 seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 mengikut jantina guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

Ho2: Tidak terdapat hubungan antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan pelaksanaan SGM 2.0.

KAJIAN STANDARD GURU MALAYSIA

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mardzelah et al. (2022), yang mengkaji tentang SGM 2.0. Dalam kemenjadian jiwa pendidik di mana kajian dapatan mereka mendapati bahawa ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan SGM 2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru. Walhal, sebagai seorang guru, kandungan di dalam SGM 2.0 adalah sangat penting. Hal ini kerana Mardzelah et al. (2022) menyatakan dalam kajian mereka bahawa SGM 2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan dan semua guru jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesion, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Menurut Fahainis et al. (2021), dalam kajian mereka y menyatakan dalam dapatan kajian mereka di mana bahawa kemahiran insaniah adalah bahagian penting dalam kecekapan guru. Kajian ini menyatakan bahawa terdapat empat kategori utama kompetensi kemahiran insaniah adalah kemahiran komunikasi lisan, kemahiran digital media, kemahiran berfikir dan kepimpinan kemahiran. Kajian ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang melibatkan pembangunan kefahaman golongan insaniah, kemahiran guru dan isu standard guru yang lebih luas.

Faridah dan Lee (2022), yang ingin meninjau tahap kompetensi pelajar Ambilan Jun 2018 yang baharu menamatkan pengajian mereka selama lima (5) tahun di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Seperti yang kita tahu, SGM merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru-guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa pelajar telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam keempat-empat domain SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi.

Serirama dan Roslee (2021) dalam kajian mereka menyatakan bahawa dapatan kajian menunjukkan tahap kompetensi profesionalisme guru adalah berada pada tahap sangat tinggi, manakala efikasi pengajaran guru juga berada pada tahap tinggi. Dalam kajian ini mendapati bahawa hubungan kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru adalah signifikan dan berada pada aras yang tinggi hasil daripada analisis korelasi Pearson. Analisis regresi pula mendapati kompetensi profesionalisme guru memberi kesan yang signifikan ke atas efikasi pengajaran guru secara keseluruhan.

Dalam kajian Lok et al. (2022), dalam kajian mereka dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mendapati bahawa tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap yang tinggi manakala tahap kompetensi peribadi berada pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri yang tinggi juga dipengaruhi oleh kompetensi peribadi seorang guru. Kajian ini menyimpulkan bahawa kompetensi peribadi seseorang guru dapat menjadi peramal efikasi sendiri dalam dirinya untuk membuat keputusan kerjaya.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan. Reka bentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik dijalankan bagi memperoleh nilai min, kekerapan dan peratus. Analisis deskriptif ini bertujuan untuk menganalisis dan menulis dapatan secara umum

tanpa sebarang rumusan. Kajian ini dijalankan dengan pengagihan borang soal selidik (Google Forms) secara rawak ke 92 buah sekolah rendah di Klang, Selangor. Hal ini kerana lokasi kajian ialah 92 sekolah rendah di daerah Klang, Selangor.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada 92 buah sekolah rendah yang terdapat di Klang, Selangor. Oleh kerana melibatkan populasi yang besar, maka persampelan rawak mudah telah dilakukan. Pensampelan kebarangkalian telah digunakan kerana kajian ini adalah kajian tinjauan. Pensampelan dalam kajian ini menggunakan rawak mudah kepada guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah rendah di daerah Klang, Selangor, iaitu, sebanyak 57 buah sekolah kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak 21 buah dan 14 buah sekolah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini. Soal selidik ini dibina untuk melihat tentang persepsi guru terhadap pelaksanaan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Borang soal selidik ini diadaptasi daripada Kajian Mardzelah et al. (2022) yang bertajuk SGM 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. Set soalan dalam soal selidik ini digubal dengan menggunakan skala Likert sebagai pilihan jawapan, iaitu mempunyai lima skala dari *Sangat Tidak setuju*, *Tidak Setuju*, *Kurang Setuju*, *Setuju* dan *Sangat Setuju*. Instrumen ini disampaikan kepada peserta kajian melalui pautan *Google Form*.

Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian, iaitu Bahagian A tentang Demografi Responden (3 item), Bahagian B tentang Pengetahuan SGM 2.0 (5 item), Bahagian C tentang Pelaksanaan SGM 2.0 di Peringkat Sekolah (5 item), Bahagian D tentang Keabakan Pelaksanaan SGM 2.0 (5 item) dan Bahagian E tentang Cabaran Pelaksanaan SGM 2.0 (5 item). Soal selidik memudahkan pengkaji mengekodkan data dan seterusnya menganalisis data tersebut.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi mengenal pasti kesesuaian soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan 10 orang guru Bahasa Melayu SK, 10 orang guru Bahasa Melayu SJKC dan 10 orang guru Bahasa Melayu SJKT di daerah Melaka Tengah, Melaka. Kajian rintis ini bertujuan untuk memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik (Lulud Oktaviani et al. 2020). Hasil kajian rintis, didapati nilai kebolehpercayaan item berada pada tahap baik. Nilai alpha Cronbach yang diperoleh pada item Bahagian B ialah 0.899, Bahagian

C ialah 0.898, Bahagian D ialah 0.879 dan Bahagian E ialah 0.899. Menurut Bond dan Fox (2015), nilai alpha Cronbach yang melebihi 0.8 dianggap sebagai item yang baik dan boleh dipercayai.

Kaedah Menganalisis Data

Kajian ini berkaitan dengan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Standard Guru Malaysia 2.0 di sekolah rendah. Data yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Data yang diperoleh dalam kajian ini akan dimasukkan dalam sistem *Statistical Package for Sosial Science* (SPSS) versi 27.0 untuk proses analisis. Semua keputusan yang diperoleh akan dibentang dalam bentuk jadual. Bagi soal selidik, kebolehpercayaan soal selidik melalui kajian rintis dianalisis menggunakan kaedah konsistensi dalaman, iaitu alpha Cronbach. Data yang diperoleh dalam soal selidik melalui kajian sebenar akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dalam bentuk min.

Analisis Data

Semua data mentah dianalisis mengikut setiap item dan persoalan kajian. Hal ini bertujuan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Analisis deskriptif dijalankan menggunakan SPSS versi 27.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min setiap item untuk menjawab persoalan kajian. Analisis inferensi melalui ujian-t dan ujian korelasi Pearson telah dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 mengikut jantina guru Bahasa Melayu dan hubungan antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan pelaksanaan SGM 2.0.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Profil Responden

Sampel kajian ini terdiri daripada 106 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Klang, Selangor. Berdasarkan Jadual 1(a), terdapat lebih banyak responden perempuan yang terlibat dalam kajian iaitu seramai 60 orang (56.6%), manakala responden lelaki pula seramai 46 orang (43.3%). Dari segi tempoh berkhidmat, seramai 18 orang (17.0%) responden mempunyai tempoh berkhidmat selama 1 hingga 5 tahun. Seramai 33 orang (31.1%) responden mempunyai tempoh berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun manakala seramai 22 orang (20.8%) responden mempunyai tempoh berkhidmat selama 11 hingga 15 tahun. Seramai 19 orang (17.9%) responden mempunyai tempoh berkhidmat selama 16 hingga 20 tahun manakala seramai 14 orang (13.2%) responden mempunyai tempoh berkhidmat selama 20 tahun ke atas. Dari segi jenis sekolah, bilangan responden yang

mengajar di SK seramai 31 orang (29.2%), bilangan responden yang mengajar di SJKC seramai 39 orang (36.8%) dan bilangan responden yang mengajar di SJKT seramai 36 orang (34.0%).

JADUAL 1(a). Analisis latar belakang responden kajian

Latar Belakang Responden		N =	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	46	43.4
	Perempuan	60	56.6
Tempoh Berkhidmat	1-5 tahun	18	17.0
	6-10 tahun	33	31.1
	11-15 tahun	22	20.8
	16-20 tahun	19	17.9
	20 tahun ke atas	14	13.2
Jenis Sekolah	Sekolah Kebangsaan (SK)	31	29.2
	Sek. Jenis Keb. Cina (SJKC)	39	36.8
	Sek. Jenis Keb. Tamil (SJKT)	36	34.0

Berdasarkan Jadual 1(b), pengkaji telah menaburkan borang soal selidik kepada tiga jenis sekolah iaitu SK, SJKC dan SJKT. Didapati bahawa bilangan SK di daerah Klang, Selangor ialah 57 buah, bilangan SJKC di daerah Klang, Selangor ialah 21 buah manakala bilangan SJKT di daerah Klang, Selangor ialah 14 buah. Bilangan responden di SK yang mengisi dan menghantar borang soal selidik ialah seramai 31 orang. Bilangan responden di SJKC yang mengisi dan menghantar borang soal selidik ialah seramai 39 orang manakala bilangan responden di SJKT ialah seramai 36 orang. Jumlah responden yang mengisi borang soal selidik adalah seramai 106 orang yang terdiri daripada SK, SJKC dan SJKT.

JADUAL 1(b). Analisis taburan data soal selidik

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Borang Soal Selidik Yang Siap Diisi dan Dihantar Balik Semula
SK	57	31
SJKC	21	39
SJKT	14	36

Pengetahuan tentang Standard Guru Malaysia 2.0

Bagi menjawab konstruk dalam persoalan kajian yang pertama, iaitu apakah tahap pengetahuan, pelaksanaan, kebaikan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Item 1 hingga 5 dianalisis dan ditunjukkan pada Jadual 2. Dapatan analisis menunjukkan purata skor min bagi pengetahuan tentang SGM 2.0 ialah 4.18, iaitu berada pada tahap tinggi. Analisis data menunjukkan bahawa kelima-lima item soalan dikategorikan dalam min tahap tinggi.

JADUAL 2. Analisis kekerapan, peratus dan min terhadap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang SGM 2.0

Item	Pernyataan Pengetahuan	Kekerapan dan Peratusan				
		STS	TS	TP	S	SS
1	Saya mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang SGM 2.0.	2 1.9%	4 3.8%	6 5.7%	78 73.6%	16 15.1%
2	Saya mendapati bahawa SGM 2.0 dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua guru.	-	3 2.8%	5 4.7%	67 63.2%	31 29.2%
3	Pelaksanaan SGM 2.0 memberi manfaat dan impak positif kepada guru Bahasa Melayu.	-	2 1.9%	7 6.6%	62 58.5%	35 33.0%
4	SGM 2.0 adalah sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa.	-	2 1.9%	7 6.6%	42 39.6%	55 51.9%
5	Saya mengetahui objektif kehendak SGM 2.0.	-	5 4.7%	6 5.7%	66 62.3%	29 27.4%

Skala min tertinggi diperoleh pada item 4 dengan mencatat skor min 4.42. Bagi item 4, kebanyakan guru Bahasa Melayu, iaitu 55 orang (51.9%) sangat setuju, 42 orang (39.6%) setuju, 7 orang (6.6%) tidak pasti dan 3 orang (1.9%) tidak setuju bahawa SGM 2.0 adalah sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa. Seterusnya skor min kedua tertinggi dicatatkan pada item 2 iaitu memperoleh skor min 4.23 yang mencapai tahap min tinggi. Bagi item 3, seramai 35 orang (33.0%) sangat setuju, 62 orang (58.5%) setuju, 7 orang (6.6%) tidak pasti dan 2 orang (1.9%) tidak setuju bahawa pelaksanaan SGM 2.0 memberi manfaat dan impak positif kepada guru Bahasa Melayu. Seterusnya, item 2 pula mencatat skor min 4.19, iaitu mencapai tahap min tinggi. Terdapat 31 orang (29.2%) sangat setuju, 67 orang (63.2%) setuju, 5 orang (4.7%) tidak pasti dan 3 orang (2.8%) tidak setuju bahawa guru Bahasa Melayu mendapati bahawa SGM 2.0 dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua guru.

Item 5 mencatat skor min 4.12 iaitu mencapai tahap min tinggi. Seramai 29 orang (27.4%) sangat setuju, 66 orang (62.3%) setuju, 6 orang (5.7%) tidak pasti dan 5 orang (4.7%) tidak setuju bahawa guru Bahasa Melayu mengetahui objektif kehendak SGM 2.0. Selain itu, item 1 mencatat skor min 3.96 iaitu mencapai tahap min tinggi. Seramai 16 orang (15.1%) sangat setuju, 78 (73.6%) setuju, 6 orang (5.7%) tidak pasti, 4 orang (3.8%) tidak setuju dan 2 orang (1.9%) sangat tidak setuju bahawa guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang SGM 2.0.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis data soal selidik dari aspek pengetahuan tentang SGM 2.0 didapati bahawa guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa SGM 2.0 adalah sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa. Pelaksanaan SGM 2.0 memberi manfaat dan impak positif kepada guru Bahasa Melayu. Pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang SGM 2.0 adalah berada pada tahap yang tinggi.

Pelaksanaan Standard Guru Malaysia 2.0 di Peringkat Sekolah

Bagi menjawab konstruk dalam persoalan kajian yang pertama, iaitu apakah tahap pengetahuan, pelaksanaan, kebaikan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Item 1 hingga 5 dianalisis dan ditunjukkan pada Jadual 3. Dapatan analisis menunjukkan purata skor min bagi pelaksanaan tentang SGM 2.0 di peringkat sekolah ialah 4.24, iaitu berada pada tahap tinggi. Analisis data menunjukkan bahawa kelima-lima item soalan dikategorikan dalam min tahap tinggi.

Skala min tertinggi diperoleh pada item 1 dengan mencatat skor min 4.32. Bagi item 1, kebanyakan guru Bahasa Melayu, iaitu 42 orang (39.6%) sangat setuju, 56 orang (52.8%) setuju, 5 orang (4.7%) tidak pasti dan 3 orang (2.8%) tidak setuju bahawa SGM 2.0 diaplikasikan di sekolah. Seterusnya skor min kedua tertinggi dicatatkan pada item 2 iaitu memperoleh skor min 4.28 yang mencapai tahap min tinggi. Bagi item 2, seramai 48 orang (45.3%) sangat setuju, 46 orang (43.4%) setuju, 7 orang (6.6%) tidak pasti, 4 orang (3.8%) tidak setuju dan 1 orang (0.9%) sangat tidak setuju bahawa pihak pentadbir telah memberi bengkel atau taklimat secara menyeluruh mengenai SGM 2.0. Seterusnya, item 4 pula mencatat skor min 4.24, iaitu mencapai tahap min tinggi. Terdapat 44 orang (41.5%) sangat setuju, 49 orang (46.2%) setuju, 8 orang (7.5%) tidak pasti, 4 orang (3.8%) tidak setuju dan 1 orang (0.9%) sangat tidak setuju bahawa sekolah mewajibkan setiap guru memahami setiap dimensi dalam SGM 2.0.

Item 5 mencatat skor min 4.22 iaitu mencapai tahap min tinggi. Seramai 36 orang (34.0%) sangat setuju, 58 orang (54.7%) setuju, 11 orang (10.4%) tidak pasti dan 1 orang (0.9%) tidak setuju bahawa pelaksanaan SGM 2.0 di sekolah adalah amat berjaya. Selain itu, item 3 mencatat skor min 4.16 iaitu mencapai tahap min tinggi. Seramai 30 orang (28.3%) sangat setuju, 66 (62.3%) setuju, 7 orang (6.6%) tidak pasti dan 3 orang (2.8%) tidak setuju bahawa pihak pentadbir sentiasa memberi input dan maklumat yang terkini berkaitan dengan SGM 2.0.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis data soal selidik dari aspek pelaksanaan tentang SGM 2.0 di peringkat sekolah dapat didapati bahawa guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa SGM 2.0 diaplikasikan di sekolah dan pihak pentadbir telah memberi bengkel atau taklimat secara menyeluruh mengenai SGM 2.0. Pelaksanaan guru Bahasa Melayu tent

JADUAL 4. Analisis kekerapan, peratus dan min terhadap kebaikan pelak

Item	Pernyataan Pengetahuan	Kekerapan dan Peratusan				
		STS	TS	TP	S	SS
1	SGM 2.0 dapat meningkatkan profesionalisme guru di mana guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran.	-	2 1.9%	4 3.8%	65 61.3%	35 33.0%
2	Guru lebih peka terhadap perkembangan pendidikan terkini dari semasa ke semasa dan membuat penambahbaikan dalam PdP.		2 1.9%	4 3.8%	64 60.4%	36 34.0%
3	Guru lebih bersikap proaktif untuk belajar sesuatu yang baharu agar dapat menguasai ilmu yang luas.		2 1.9%	5 4.7%	54 50.9%	45 42.5%
4	Guru dapat memastikan PdP yang dilaksanakan memenuhi keperluan semasa dan selaras dengan perkembangan pendidikan terkini.	1 0.9%	2 1.9%	3 2.8%	57 53.8%	43 40.6%
5	Guru lebih kreatif semasa merancang dan melaksanakan PdP dengan menggunakan pelbagai jenis teknik pembelajaran.		2 1.9%	5 4.7%	58 54.7%	41 38.7%

Cabaran Pelaksanaan Standard Guru Malaysia 2.0

Bagi menjawab konstruk dalam persoalan kajian yang pertama, iaitu apakah tahap pengetahuan, pelaksanaan, kebaikan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan SGM 2.0 dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Item 1 hingga 5 dianalisis dan ditunjukkan pada Jadual 5. Dapatan analisis menunjukkan purata skor min bagi cabaran pelaksanaan tentang SGM 2.0 ialah 4.28, iaitu berada pada tahap tinggi. Analisis data menunjukkan bahawa kelima-lima item soalan dikategorikan dalam min tahap tinggi.

Skala min tertinggi diperoleh pada item 1 dengan mencatat skor min 4.46. Bagi item 1, kebanyakan guru Bahasa Melayu, iaitu 46 orang (43.4%) sangat setuju, 53 orang (50.0%) setuju, 5 orang (4.7%) tidak pasti dan 2 orang (1.9%) tidak setuju bahawa kekurangan pendedahan secara profesional daripada pihak yang bertanggungjawab. Seterusnya skor min kedua tertinggi dicatatkan pada item 5 iaitu memperoleh skor min 4.32 yang mencapai tahap min tinggi. Bagi item 5, seramai 50 orang (47.2%) sangat setuju, 46 orang (43.4%) setuju, 5 orang (4.7%) tidak pasti, 4 orang (3.8%) tidak setuju dan 1 orang (0.9%) sangat tidak setuju bahawa SGM 2.0 memerlukan guru perlu menyesuaikan diri dengan setiap perubahan dan cabaran mengikut perkembangan sistem pendidikan daripada pelbagai aspek menyebabkan guru mengalami stres dan masalah kesihatan.

JADUAL 5. Analisis kekerapan, peratus dan min terhadap cabaran pelaksanaan guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang SGM 2.0

Item	Pernyataan Pengetahuan	Kekerapan dan Peratusan				
		STS	TS	TP	S	SS
1	Kekurangan pendedahan secara profesional daripada pihak yang bertanggung-jawab	-	2 1.9%	5 4.7%	53 50.0%	46 43.4%
2	SGM 2.0 tidak dihayati oleh kebanyakan guru kerana guru tidak jelas dengan objektif dan kehendak SGM 2.0.	-	3 2.8%	8 7.5%	55 51.9%	40 37.7%
3	Guru tidak mengambil tahu tentang SGM 2.0 kerana SGM 2.0 tidak diperkenalkan secara lebih mendalam.	-	4 3.8%	6 5.7%	56 52.8%	40 37.7%
4	SGM 2.0 menggalakkan guru untuk memajukan diri dari semasa ke semasa agar tidak ketinggalan zaman dan secara tidak langsung menyebabkan guru gagal untuk menarik minat belajar pelajar.	-	6 5.7%	6 5.7%	62 58.5%	32 30.2%
5	SGM 2.0 memerlukan guru perlu menyesuaikan diri dengan setiap perubahan dan cabaran mengikut perkembangan sistem pendidikan daripada pelbagai aspek menyebabkan guru mengalami stres dan masalah kesihatan.	1 0.9%	4 3.8%	5 4.7%	46 43.4%	50 47.2%

Seterusnya, item 2 dan item 3 pula mencatat skor min 4.25, iaitu mencapai tahap min tinggi. Bagi item 2, terdapat 40 orang (37.7%) sangat setuju, 55 orang (51.9%) setuju, 8 orang (7.5%) tidak pasti dan 3 orang (2.8%) tidak setuju bahawa SGM 2.0 tidak dihayati oleh kebanyakan guru kerana guru tidak jelas dengan objektif dan kehendak SGM 2.0. Bagi item 3, terdapat 40 orang (37.7%) sangat setuju, 56 orang (52.8%) setuju, 6 orang (5.7%) tidak pasti dan 4 orang (3.8%) tidak setuju bahawa guru tidak mengambil tahu tentang SGM 2.0 kerana SGM 2.0 tidak diperkenalkan secara lebih mendalam. Item 4 mencatat skor min 4.13 iaitu mencapai tahap min tinggi. Seramai 32 orang (30.2%) sangat setuju, 62 orang (58.5%) setuju, 6 orang (5.7%) tidak pasti dan 6 orang (5.7%) tidak setuju bahawa SGM 2.0 menggalakkan guru untuk memajukan diri dari semasa ke semasa agar tidak ketinggalan zaman dan secara tidak langsung menyebabkan guru gagal untuk menarik minat belajar pelajar.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis data soal selidik dari aspek cabaran pelaksanaan SGM 2.0 dapat didapati bahawa guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa kekurangan pendedahan secara profesional daripada pihak yang bertanggungjawab dan SGM 2.0 memerlukan guru perlu menyesuaikan diri dengan setiap perubahan dan cabaran mengikut perkembangan sistem pendidikan daripada pelbagai aspek menyebabkan guru mengalami stres dan masalah

kesihatan. Cabaran pelaksanaan SGM 2.0 adalah berada pada tahap yang tinggi.

Perbezaan antara Tahap Pengetahuan tentang Standard Guru Malaysia 2.0 dengan Jantina Guru Bahasa Melayu

Jadual 6 membincangkan hasil ujian-t tidak bersandar yang dijalankan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 mengikut jantina guru Bahasa Melayu dengan nilai-t = -0.150 dan sig = 0.881 (p>0.05). Dari segi min, guru perempuan (min = 4.19 dan sisihan piawai = 0.5565) mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi daripada guru lelaki (min = 4.17 dan sisihan piawai = 0.5327). maka, dapatan kajian menunjukkan **hipotesis nol gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 mengikut jantina guru Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu perempuan didapati lebih berpengetahuan tinggi dalam pelaksanaan SGM 2.0 berbanding dengan guru Bahasa Melayu lelaki.

JADUAL 6. Analisis min, sisihan piawai dan nilai antara tahap pengetahuan tentang SGM 2.0 dengan jantina guru Bahasa Melayu

Pemboleh Ubah	N (106)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig 2 Hala
Lelaki	46	4.17	0.532	-0.150	0.881
Perempuan	60	4.19	0.556		

Hubungan antara Tempoh Berkhidmat Guru Bahasa Melayu dengan Pelaksanaan Standard Guru Malaysia SGM 2.0

Hasil analisis ujian korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan yang signifikan antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu dengan pelaksanaan SGM 2.0 di peringkat sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu dengan pelaksanaan SGM 2.0 di peringkat sekolah (r=0.753, p<.05). dapatan ini menolak hipotesis nol. Hal ini menunjukkan bahawa tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu mempunyai hubungan langsung dengan pelaksanaan SGM 2.0 di peringkat sekolah. Dengan kata lain, semakin lama tempoh berkhidmat, semakin tinggi pelaksanaan SGM 2.0 di peringkat sekolah. Hubungan tersebut berada pada tahap sederhana.

JADUAL 7. Analisis nilai korelasi antara tempoh berkhidmat guru Bahasa Melayu dengan pelaksanaan Standard Guru Malaysia 2.0

Pemboleh Ubah	N	Nilai Korelasi (r)	Sig
Tempoh Berkhidmat Pelaksanaan SGM 2.0 di Peringkat Sekolah.	106	0.753	0.000

Sig. pada paras $p > 0.005$

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, soalan pertama dalam soalan kajian pertama adalah berkaitan dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang SGM 2.0 dalam data yang diperolehi adalah mencapai nilai min yang tinggi iaitu 4.18. Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap SGM 2.0. Dapatan kajian Mardzelah et al. (2022) menunjukkan guru berpendapat bahawa SGM 2.0 ini adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dan sejajar dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21. Guru perlu banyak diberi pendedahan yang secara lebih mendalam mengenai SGM 2.0. Guru perlu pelbagai jenis bengkel atau program yang bermakna secara berkala di bawah SGM 2.0. Tujuan berbuat demikian adalah untuk menambahkan ilmu akademik dan meningkatkan kemahiran yang dapat menyempurnakan keperibadian diri dan juga kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan PdP yang berkesan.

Soalan kedua dalam soalan kajian pertama adalah berkaitan dengan pelaksanaan SGM 2.0 dalam data yang diperolehi adalah mencapai nilai min yang tinggi, iaitu 4.24. Hal ini membuktikan bahawa SGM 2.0 banyak dilaksanakan dan diaplikasikan di peringkat sekolah. Menurut kajian Jamel et al. (2017), setiap latihan dan program pendidikan guru perlu merangka kurikulum pengajian berdasarkan standard dan komponen yang ditetapkan dalam SGM 2.0 bagi melahirkan guru yang membantu dalam membangunkan modal insan yang cemerlang. Pelaksanaan SGM 2.0 perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi agar dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan memanfaatkan semua guru di Malaysia.

Soalan ketiga dalam soalan kajian pertama adalah berkaitan dengan kebaikan pelaksanaan SGM 2.0 dalam data yang diperolehi adalah mencapai nilai min yang tinggi, iaitu 4.27. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan guru berpendapat bahawa terdapat banyak kebaikan yang diperolehi apabila melaksanakan SGM 2.0 di sekolah. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Mardzelah et al. (2022) yang menyatakan bahawa SGM 2.0 memainkan peranan dalam kemenjadian jiwa pendidik. SGM 2.0 dapat membentuk jiwa pendidik yang holistik dan sempurna. Domain kompetensi yang disenaraikan dalam SGM 2.0, iaitu orientasi ilmu,

instruksional, melibatkan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan.

Soalan keempat dalam soalan kajian pertama adalah berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan SGM 2.0 dalam data yang diperolehi adalah mencapai nilai min yang tinggi, iaitu 4.28. Hal ini membuktikan bahawa terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu apabila melaksanakan SGM 2.0. Dapatan kajian ini disokong oleh Kajian Faridah dan Lee (2022) yang menyatakan bahawa masih terdapat ruang dan peluang untuk IPGM khususnya terus merancang dan menambak program yang ditawarkan dengan mengambil kira cabaran masa kini untuk membangunkan generasi murid yang dapat menghadapi dan menangani cabaran-cabaran baharu terutamanya dalam era revolusi informasi abad ke-21.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberi implikasi kepada murid, guru, pihak sekolah dan KPM di mana SGM 2.0 ini mendatangkan banyak kebaikan kepada setiap pihak.

Murid

Murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif apabila murid dapat berfikir di luar kotak. Apabila aktiviti PdP yang berteraskan PAK-21 dijalankan di dalam kelas, murid-murid dapat berfikir di luar kotak dan seterusnya menggerakkan minda murid. Murid-murid tidak berasa bosan apabila terdapat aktiviti yang menarik dalam kelas. Tahap penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran dapat ditingkatkan apabila murid melibatkan diri secara aktif dalam PdP di dalam kelas. Sejalan dengan itu, guru perlu merancang dan menyediakan pelbagai aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas.

Potensi dan bakat murid juga dapat dicungkil apabila murid bergiat aktif dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru merupakan insan yang meningkatkan motivasi diri supaya murid-murid mempunyai keyakinan diri dalam melaksanakan sesuatu di dalam kelas. Guru perlu mempertimbangkan kemampuan murid semasa merancang PdP agar murid tidak berasa terbeban sehingga kehilangan minat untuk belajar. Di sebaliknya, guru perlu sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada murid supaya murid mempunyai minat dan keyakinan dalam melakukan sesuatu.

Guru

Guru memainkan peranan yang signifikan dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara kerana guru adalah golongan yang berada di barisan hadapan. Peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar

untuk merealisasikan hasrat PPPM 2013-2025. Terlebih dahulu, guru harus mencapai standard ke tahap global supaya ilmu yang dicurahkan nanti mengikut acuan yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025. Selain itu, guru perlu memiliki kemahiran berfikir aras tinggi dan mampu berinovasi agar dapat meningkatkan keberhasilan sekolah dan kemenjadian murid. Peningkatan kualiti PdP juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Guru perlu pelbagai jenis bengkel atau program yang bermakna secara berkala di bawah SGM 2.0. Tujuan berbuat demikian adalah untuk menambahkan ilmu akademik dan meningkatkan kemahiran yang dapat menyempurnakan keperibadian diri dan juga kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan PdP yang berkesan. Bukan itu sahaja, profesionalisme guru dapat ditingkatkan dengan adanya bengkel atau program yang berkesan yang berkaitan dengan SGM 2.0. Melalui penghayatan SGM 2.0, guru akan sentiasa berwaspada dengan tingkah laku diri pada setiap masa agar dapat menjadi suri teladan yang baik kepada murid.

Pihak Sekolah

SGM 2.0 membolehkan guru memahami tanggungjawab sendiri terhadap profesion, murid, ibu bapa atau penjaga, masyarakat serta negara. Kebajikan dan kepentingan murid perlu sentiasa didahulukan kerana murid-murid merupakan aset negara kita yang akan memimpin negara kita mencapai kegemilangan pada masa depan. Guru juga harus berusaha bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan PdP yang berkesan agar tidak mengecewakan ibu bapa murid yang meletakkan harapan pada guru. Bukan itu sahaja, pihak sekolah perlu memastikan guru banyak menerapkan nilai-nilai murni melalui PdP kerana kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara memainkan peranan yang penting bagi negara kita yang berbilang kaum, berbeza budaya, keturunan dan agama.

Pengamalan SGM 2.0 dalam kalangan guru dapat mewujudkan suasana sekolah yang bermoral. Hal ini berlaku demikian kerana guru sentiasa peka terhadap perkembangan pembelajaran dan tingkah laku murid. Tindakan susulan harus diambil sekiranya perlu demi kepentingan murid. Guru perlu sentiasa memberikan penegasan positif seperti pujian dan ganjaran kepada murid yang berkelakuan baik atau berprestasi tinggi dalam pembelajaran sebagai dorongan dan meningkatkan motivasi murid. Dengan adanya galakan dan dorongan daripada guru, murid pasti dapat belajar daripada kesilapan dan tidak akan mengulangi kesilapan yang sama. Hal ini dapat mewujudkan suasana persekolahan yang bermoral dan harmoni.

Kementerian Pendidikan Malaysia

KPM perlu menyediakan keperluan latihan yang jelas dan lengkap berkaitan dengan SGM 2.0. Dengan ini, jiwa guru yang menyeluruh dan holistik dapat dibentuk. Bukan itu sahaja, guru yang bersikap positif dan ikhlas dapat dilahirkan. Guru dapat memberi sumbangan yang bermutu serta sentiasa bertindak untuk memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). KPM perlu menggalakkan pengaplikasian dan pengamalan SGM 2.0 dalam kalangan pendidik. Dengan ini, KPM perlu memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan pengamalan SGM 2.0 supaya dapat memperoleh persepsi yang positif tentang SGM 2.0 dalam kalangan guru. SGM 2.0 yang diperkenalkan mampu memantapkan etika keguruan dan profesionalisme dalam kalangan seseorang guru. PdP seseorang guru juga akan menjadi lebih menarik kerana guru akan berusaha untuk merancang dan melaksanakan PdP dengan menggunakan pelbagai teknik penyampaian ilmu yang berkesan dengan berteraskan kepada SGM 2.0. Aktiviti PAK 21 untuk menarik perhatian murid banyak dilaksanakan di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Rata-rata guru Bahasa Melayu mempunyai persepsi yang positif tentang pelaksanaan SGM 2.0 di sekolah. Para guru mempunyai pengetahuan tentang SGM 2.0. Menurut dapatan kajian, kebanyakan guru melaksanakan SGM 2.0 di peringkat sekolah dan pihak pentadbir juga memainkan peranan yang penting dalam menerapkan elemen-elemen yang penting yang terkandung dalam SGM 2.0. Para guru mendapati bahawa SGM 2.0 mendatangkan banyak kebaikan dalam pendidikan. Walau bagaimanapun, para guru tetap menghadapi pelbagai cabaran yang tidak dapat dielakkan semasa melaksanakan SGM 2.0 di peringkat sekolah. Para guru adalah digalakkan untuk menempuhi segala cabaran dan berusaha mengaplikasikan SGM 2.0 di sekolah. Hal ini berlaku demikian kerana SGM 2.0 ini adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dan sejajar dengan perkembangan PAK-21.

Hasil dapatan kajian juga bertepatan dengan Etika Kerja KPM dan Kod Etika Profesion Keguruan Malaysia yang menjelaskan semua guru jelas dengan tanggungjawab terhadap pelbagai pihak. Etika kerja KPM ini telah menggariskan lima prinsip dan tujuh nilai utama. Lima prinsip tersebut ialah niat yang betul, perlakuan yang baik, penggerak ke arah kebaikan, memperkotakan apa yang dikatakan serta berdisiplin dan beradab. Tujuh nilai fokus utama dalam etika kerja KPM ialah amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas dan penyayang. Guru mestilah menunaikan tanggungjawab dengan niat yang betul.

Guru perlu bersikap positif dan ikhlas, memberi sumbangan yang bermutu serta sentiasa bertindak untuk

memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui penghayatan Kod Etika Profesion Keguruan Malaysia, guru akan memahami tanggungjawab terhadap pelbagai pihak dan bagaimana untuk memastikan dirinya sentiasa bertingkah laku baik dan bertatasusila dalam profesion keguruan. Hal ini selari dengan pandangan Nurlina et al. (2018) yang menyatakan sistem pendidikan negara kita memerlukan guru-guru yang mempunyai komitmen, dedikasi dan kesungguhan dan memiliki keperibadian dan budi pekerti yang mampu menjadi teladan kepada anak didik mereka.

Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2018). Etika dan tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. *Jurnal AL-ANWAR:Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur*, 6(2), 43-50.

Serirama Ebbie & Roslee Talip. (2021). Kompetensi profesionalisme guru dan kesannya terhadap efikasi pengajaran guru luar bandar Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 241-253.

RUJUKAN

- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Third Edition. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Fahainis Mohd. Yusof, Fuziah Shaffie & Ruzlan Md. Ali. (2021). Soft skills for teachers: A accepting Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM) and SSB4K theory in future teaching practices. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(42), 40-52.
- Faridah Yakob & Lee Leh Hong. (2022). Level of competency of graduates of the special science campus teacher education institute. *Journal Civic and Social Studies*, 6(2), 84-98.
- Jamil Abdul Baser, Nurul Syahada Mohd Suhaimi, Hasyamuddin Othman, Azman Hasan, Mohd Bekri & Mohd Faizal Amin Nur Yunus. (2017). Standard Guru Malaysia dalam program persediaan guru reka bentuk dan teknologi. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lok Shin Yei, Saemah Rahman & Shahlan Surat. 2022. Kompetensi peribadi dan efikasi sendiri dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(6), 1-11.
- Lulud Oktaviani, Berlinda Mandasari & Reynita Adlina Maharani. (2020). Implementing POWTOON to improve students' international culture understanding in English Class. *Journal of Research on Language Education*, 1, 19-25.
- Mardzelah Makhsin, Teoh Yong Ping & Nor Hasimah Ismail. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46), 327-346.